

Mengenai Konsultasi Pesakit Warga Asing

Kepada semua pesakit warga asing

Dalam kes pesakit warga asing menerima konsultasi di hospital, sekiranya pesakit tidak dapat berkomunikasi dalam bahasa Jepun dengan kakitangan perubatan hospital, pihak hospital mungkin tidak dapat memberi perkhidmatan perubatan yang selamat kepada pesakit.

Oleh yang demikian, apabila kakitangan perubatan hospital berasa bahawa pesakit sukar untuk berkomunikasi dalam bahasa Jepun, hospital akan menyediakan perkhidmatan penterjemahan. Pihak pesakit diminta membiayai perbelanjaan perkhidmatan penterjemahan tersebut. Harap maklum.

Kategori	Caj (Termasuk GST)
Penterjemahan melalui telefon	5,500 yen / setiap kes
Penterjemahan bersama jurubahasa pengiring	26,400 yen ke atas / tidak melebihi 4 jam 6,600 yen ke atas / setiap satu jam selepas 4 jam

*Pada dasarnya, hospital akan menyediakan perkhidmatan penterjemahan melalui telefon. Tetapi, hospital mungkin akan menyediakan perkhidmatan penterjemahan bersama jurubahasa pengiring sekiranya perlu untuk hospitalisasi jangka panjang.

Kepada pesakit warga asing yang tidak memiliki kad insuran kesihatan awam Jepun

Mulai daripada 1 Mei 2018, pengiraan perbelanjaan perubatan di hospital dilaksanakan dengan kadar 20 yen bagi setiap mata ganjaran perubatan ke atas pesakit warga asing tanpa memiliki kad insuran kesihatan awam Jepun yang sah (Perbelanjaan perubatan akan dikenakan GST secara berasingan.). Di samping itu, perbelanjaan bilik khas semasa hospitalisasi, kos dokumentasi dan lain-lain akan dicaj secara berasingan.

[Untuk tujuan pelancongan perubatan]

Demi penyampaian perkhidmatan yang selamat dan terjamin secara lancar kepada pesakit warga asing, hospital telah menandatangani perjanjian perkongsian dari segi perkhidmatan koordinasi dengan Syarikat Bantuan Kecemasan Jepun Berhad / Japan Emergency Assistance Co., Ltd. (selepas ini, EAJ). Sekiranya pesakit warga asing ingin menerima konsultasi hospital, pada prinsipnya semua proses akan melalui EAJ. Sila hubungi EAJ secara langsung untuk mendapatkan konsultasi dan nasihat.

*Kes rawatan kecemasan yang diperlukan selepas tiba di Jepun dikecualikan.

Pemahaman dan kerjasama anda amat dihargai demi penyampaian perkhidmatan perubatan yang selamat dengan lancar. Harap maklum.

Syarikat Bantuan Kecemasan Jepun Berhad / Emergency Assistance Japan Co., Ltd. (EAJ)

- Nombor telefon: +81-3-3811-8600 *dalam bahasa Jepun, Inggeris, Rusia, dan Cina
- Penghantaran penterjemah:
 - Bahasa Jepun, Inggeris, Rusia, Cina, Korea, Arab, Thai, Itali, Indonesia, Bengali dan lain-lain.
 - *Sila kemukakan pertanyaan untuk bahasa-bahasa lain.
- E-mel: mj-info@emergency.co.jp
 - *Sila guna e-mel ini apabila mengemukakan permohonan atau pertanyaan.
- Perkhidmatan koordinasi oleh EAJ:
 - Jaminan visa perubatan
 - Penggantian pembayaran perbelanjaan perubatan buat sementara
 - Penterjemahan bahasa dan teks
 - Pengaturan penginapan dan pengangkutan
 - Talian hotline telefon 24 jam dan lain-lain